



Surat kami : 100-JKK (PT.6/2/2)
Tarikh : 21 November 2012

Kepada semua
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus
Universiti Teknologi MARA

YBhg Dato'/Datin/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PINDAAN NAMA 'DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR' KEPADA
'DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR'**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil 22/2012 pada 29 Oktober 2012 telah membuat keputusan dan meluluskan pindaan perkataan 'Agong' pada nama Dewan Agong Tuanku Canselor kepada 'Agung'.

3. Mesyuarat pada dasarnya bersetuju dengan penggunaan perkataan 'Agung' yang memberi maksud besar, luas, tertinggi, teristimewa, terbuka kepada semua bagi menggantikan perkataan 'Agong' yang merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong iaitu gelaran untuk Ketua Negara Malaysia.

4. Sehubungan itu, pemakaian nama baru adalah seperti berikut :-

Dewan Agung Tuanku Canselor

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Dato'/Datin/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan untuk menghebahkan pemakluman terkini ini kepada semua warga Pusat Tanggungjawab YBhg Dato'/Datin/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ALFINA BAKAR
Pengarah

Fait

s.k
Prof. Sr. Ir. Dr. Hj. Suhaimi Bin Abd Talib
Penolong Naib Canselor
Pembangunan, Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT